

**ANALISIS GERAK DAN PERANAN WANITA DALAM RITUAL *BORIS*,
ETNIK BIDAYUH**
***MOVEMENT ANALYSIS AND THE ROLE OF BIDAYUH WOMEN
IN THE BORIS RITUAL***

Ratna Fazlinda anak Jelly¹
Zairul Anuar Md. Dawam²

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah^{1&2}

ratnafazlinda78@gmail.com¹; zanuar@ums.edu.my²

Tarikh dihantar: 1 Ogos 2019 / Tarikh diterima: 6 September 2019

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan gerak dan makna dalam ritual *boris* yang diamalkan oleh etnik Bidayuh di Sarawak, termasuk hubung kait peranan wanita yang diangkat sebagai *Dayung Boris* bagi memenuhi keperluan cara hidup dan kepercayaan masyarakat etnik Bidayuh. Kaedah Laban Movement Analysis (LMA) telah digunakan bagi menganalisis inti gerak yang dilakukan dalam ritual *boris* tersebut. Di samping itu, teori fungsionalisme dijadikan asas untuk merungkai peranan wanita sebagai *Dayung Boris*. Analisis yang dilakukan juga akan mendokumentasikan prosedur dan tatacara ritual dalam upacara tersebut. Artikel ini dapat memberi pemahaman tentang gerak dan makna dalam ritual *boris* serta menerangkan kepentingan peranan wanita dalam masyarakat Bidayuh di Sarawak.

Kata kunci: Ritual *boris*, *Dayung Boris*, peranan *Dayung Boris*, Laban Movement Analysis (LMA) dan fungsionalisme.

ABSTRACT

This article discusses the movement and meaning in boris ritual, Bidayuh in Sarawak, including the role of women which is appointed as Dayung Boris to cater to the lifestyle and beliefs of ethnic Bidayuh people. The Laban Movement Analysis (LMA) method was used to analyse the core of the movements performed in the boris ritual. In summation, the functionalism theory applied as an approach for dismantling the role of women as Dayung Boris. The analysis will also document the procedures of rituals in the ceremony. This article will provide insights into boris rituals and meanings and explain the importance of women's role in the Bidayuh people in Sarawak.

Keywords: *Boris ritual, Dayung Boris, Dayung Boris role, Laban Movement Analysis (LMA) and functionalism.*

PENDAHULUAN

Gerak adalah gaya dan ragam yang terhasil daripada perlakuan tubuh badan manusia. Dalam konteks seni persembahan, gerak meliputi keseluruhan tubuh badan pelaku termasuk aspek emosi (Asmad, 1990: 20). Dalam konteks seni persembahan khususnya tari, gerak-gerak tertentu dikenali sebagai ragam. Ragam ini biasanya menjadi panduan kepada penghasilan sesuatu koreografi atau gerak karya. Pada masa dahulu, gerak-gerak yang terhasil menjadi sangat universal khususnya dalam sesebuah persembahan yang dikenali sebagai upacara atau ritual. Hal ini demikian kerana terdapat gerak yang dihasilkan atas dorongan daripada sesuatu yang tidak kelihatan dengan mata kasar. Gerakan ini juga menjadi sangat improvisasi kerana tidak mempunyai satu struktur yang harus diikuti atau dicontohi.

Seterusnya, seperti yang dijelaskan dalam konteks gerak, makna juga merupakan sesuatu yang tidak boleh dipisahkan daripadanya kerana setiap gerak mempunyai makna yang tertentu. Gerak ini jika disusun secara berstruktur akan menyampaikan maknanya yang tersendiri. Gerak bukan sahaja terdapat dalam konteks seni persembahan, malahan juga mempunyai pengaruhnya dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, gerakan melambai dalam kehidupan seharian membawa makna ‘selamat jalan’ atau ‘jumpa lagi’. Gerakan melambai juga boleh membawa maksud sapaan seperti ‘hai’.

Wanita memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Bidayuh. Hal ini dibuktikan melalui peranan yang dimainkan oleh wanita Bidayuh melalui ritual *simutur* yang dilakukan bagi menyambut perayaan Gawai. Namun begitu, kepentingan peranan wanita dalam upacara *boris* melalui ritual *simutur* belum banyak dikaji, mungkin disebabkan etnik Bidayuh merupakan kaum minoriti yang mendiami kawasan di Kuching, Sarawak.

Menurut Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak (2010), jumlah etnik Bidayuh hanyalah seramai 198,473 orang pada tahun 2010 daripada keseluruhan populasi Sarawak yang berjumlah 205,900 orang pada tahun 2014. Berdasarkan dialek dan pertuturan, etnik ini mempunyai empat subetnik yang berbeza. Contohnya, etnik Bidayuh Selako atau Lara mendiami kawasan Lundu, sementara Bidayuh Jagoi atau Singai mendiami kawasan Bau. Etnik Bidayuh Biatah pula terdapat di kawasan Padawan, sementara Bidayuh Bukar atau Sadong pula tertumpu di kawasan Serian, Kuching.

Di pedalaman timur dan tengah negeri Sarawak, terdapat banjaran gunung terputus-putus yang membentuk sempadan antara Sarawak dan Kalimantan. Oleh itu, budaya dan amalan tradisi masyarakat di negeri ini, amnya masyarakat Dayak sedikit sebanyak memiliki unsur-unsur budaya di Daerah Kalimantan, Indonesia (Leng, 1981: 24–25). Berdasarkan Leng (1981), nenek moyang penduduk bumiputera sekarang ini dipercayai telah berhijrah dari Benua Asia. Mereka dipercayai sebagai salah satu dari cabang bangsa *dolichocephalic* Indonesia yang tinggal di rantau ini.

Walaupun dari rumpun yang sama, masyarakat Dayak yang berada di Daerah Kalimantan di Indonesia dan masyarakat Dayak yang berada di Bahagian Kuching, Sarawak, semakin terpisah dari segi adat resam dan perbezaan loghat yang ketara. Malahan, istilah ‘Bidayuh’ sendiri dijadikan nama bagi kumpulan etnik Dayak yang berada di Bahagian Kuching bagi menggantikan istilah ‘Dayak’. Walau bagaimanapun, istilah ini masih tetap digunakan untuk merujuk perkara-perkara yang tertentu.

Seperti masyarakat lain, etnik Bidayuh juga mempunyai adat dan budaya tersendiri dalam meraikan perayaan seperti sambutan Gawai. Hari Gawai Dayak merupakan sambutan perayaan yang disambut setiap tahun selepas musim menuai padi. Lazimnya, sambutan ini diadakan antara penghujung bulan Mei sehingga awal Julai. Di kedua-dua daerah Sarawak dan Kalimantan, perayaan Gawai disambut dengan tujuan yang sama. Perayaan ini disambut sebagai tanda kesyukuran kepada semangat padi kerana hasil tanaman yang baik dan diperoleh pada tahun tersebut. Namun, upacara kesyukuran bagi kedua-dua perayaan tersebut adalah sedikit berbeza. Di daerah Kalimantan Tengah, perayaan Gawai akan disusuli dengan upacara *Pakanan Batu*, manakala di Bahagian Kuching, Sarawak perayaan ini dikenali sebagai upacara *boris* (bagi Bahagian Singai dan Bau). Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada upacara yang diadakan di kawasan Singai. Oleh itu, pada setiap kali perayaan *Gawia*, upacara *boris* yang dilakukan dalam ritual *simutur* akan dilaksanakan khusus sebagai penghargaan kepada semangat-semangat, terutamanya semangat padi yang telah memberikan rezeki kepada masyarakat tersebut.

Ritual *Boris*

Ritual *boris* merupakan salah satu bahagian penting dalam sambutan kesyukuran kepada semangat padi oleh masyarakat Bidayuh. Ia dilaksanakan oleh *Kitua Gawia*, *Pinyigar* dan *Dayung Boris*. Ritual *Boris* dilakukan oleh wanita yang dikenali sebagai *Dayung Boris*. Wanita ini dipercayai melaksanakan pemeliharaan

dan kesejahteraan semangat padi tersebut yang diketuai oleh *Kitua Gawia*. '*Dayung Boris*' ialah wanita yang dihormati dan orang terpilih untuk menjalankan upacara tersebut. Mereka dipercayai menjalankan ritual untuk memastikan hasil tuaian mereka lebih baik pada tahun berikutnya. Sungguhpun begitu, seperti yang telah dinyatakan, upacara ini turut bertujuan untuk menyampaikan rasa kesyukuran atas hasil yang diperoleh sepanjang tahun berkenaan. Peranan *Dayung Boris* sangat penting kerana bacaan mantera hanya dilakukan oleh kaum wanita dalam upacara tersebut, meskipun keseluruhan upacara ini diketuai oleh *Pinyigar* dan *Kitua Boris*, yang diwakili oleh kaum lelaki.

Dalam ritual *boris*, terdapat beberapa elemen atau struktur yang penting, iaitu bermula pada hari pertama sehingga pada hari yang terakhir. Pada zaman dahulu, upacara ini dipercayai boleh mengambil masa sehingga lima ke tujuh hari. Perjalanan upacara ini dipercayai mengambil masa yang panjang kerana ketika itu, *Dayung Boris* dan kesemua anggotanya dipercayai akan bergerak menuju ke Gunung Situbung (sekarang Santubong) dari kaki Gunung Singai.

Analisis Gerak Berdasarkan Laban Movement Analysis (LMA)

Laban Movement Analysis (LMA) adalah kaedah yang digunakan untuk menganalisis gerak. Teori ini diasaskan oleh Rudolf Laban (1938–1958) dan dikembangkan oleh Warren Lamb pada tahun 1952 (Daves, 2006). Analisis dilakukan berdasarkan *Body*, *Effort*, *Shape* dan *Space* (B.E.S.S.). *Body* merujuk kepada bahagian tubuh yang bergerak. Setiap pergerakan tubuh harus mempunyai pengetahuan tentang anatomi tubuh badan manusia dan kebolehan tubuh tersebut untuk menterjemahkan suatu imej ke dalam bentuk gerak berdasarkan *level* tertentu. Seterusnya, gerak tersebut mampu menyampaikan suatu mesej kepada para penonton.

Effort merujuk kepada daya yang membentuk suatu pergerakan. Sesuatu pergerakan boleh dikenal pasti dengan mengetahui sebab ia bergerak. Dalam kata lain, *effort* ini merupakan satu situasi, iaitu kekuatan dalam gerak seorang penari dan ia mempunyai isi serta tekanan kekuatan pada diri penari itu sendiri. Dalam tarian, *effort* juga dikenali sebagai dinamika. *Effort* disokong oleh *time* (*accelerating/decelerating*), *weight* (*increasing pressure/decreasing pressure*), *space* (*directing/indirecting*) dan *flow* (*binding/freeing*).

Shape atau bentuk merujuk kepada bagaimana sesuatu gerak membentuk suatu imej atau rupa yang lainnya. Terdapat banyak bentuk yang boleh dicipta hasil daripada *shape*. Antaranya, *spoke*, *arc*, *curve*, *spreading*, *rising*, *advancing*,

enclosing, sinking dan *retreating*. Sesuatu pergerakan terjadi apabila berlakunya proses yang dikawal oleh saraf di dalam badan yang mengawal otot-otot dalam tubuh badan manusia, seterusnya menghantar isyarat ke otak. *Laban* biasanya melalui satu kaedah ciptaannya yang dikenali sebagai Laban Movement Analysis, membahagikan bentuk kepada subkategori tertentu. Pertama, adalah bentuk yang statik. Kedua, perubahan mod gerak yang menerangkan cara tubuh badan berinteraksi dan hubungannya dengan faktor sekeliling. Ketiga, ialah kualiti bentuk dan juga *shape flow support*. Terdapat tiga mod perubahan, iaitu *shape flow*, *directional* dan *carving*.

Space atau ruang merupakan sesuatu batasan gerak dalam sesebuah tarian. Ruang yang dimaksudkan adalah ruang di antara fizikal penari itu sendiri. Sebagai contoh, dalam setiap tarian sememangnya akan mempunyai perubahan-perubahan kedudukan di atas pentas. Oleh itu, untuk sampai ke suatu kedudukan baharu di atas pentas, satu pergerakan akan diperlukan atau digunakan. Contohnya, daripada kedudukan membulat, penari menggunakan gerak merangkak untuk mengambil posisi sebaris. *Space* akan menentukan arah pergerakan tubuh, sama ada ke hadapan, ke belakang, ke kiri, ke kanan, ke samping (*diagonal*), dimensi dan sebagainya. Setiap ruang ini berfungsi untuk membentuk diri penari itu sendiri.

Analisis Gerak Berdasarkan LMA

Berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati ritual *boris* mempunyai hanya satu ragam asas. Sepanjang upacara *bisiib*, *paad sadis*, *nyigar de ngorung bawar*, *morot aron ruah aron*, *Simutur*, *nguguoh* dan *nyigar* akan dilakukan. Sebelum dibincangkan dengan lebih lanjut, berikut adalah ringkasan kepada bahagian-bahagian yang terdapat dalam ritual *boris* ini.

Paad sadis atau dikenali juga sebagai persembahan korban dilakukan oleh *Dayung Boris*. Sewaktu *paad sadis* dilaksanakan, *Dayung Boris* akan menggunakan kostum yang dilengkapi dengan aksesori. Mereka akan ditarik secara beramai-ramai sebelum menuju ke ayunan yang terdapat di bahagian tengah tanju. Apabila mereka semua sudah duduk di atas ayunan tersebut, *Kitua Dayung Boris* akan mengetuai nyanyian atau *boris* mereka. *Boris* ini adalah untuk persembahan dan doa mereka kepada semangat padi.

Nyigar de ngorung bawar pula adalah bahagian *Dayung Boris*, *Pinyigar* dan *Kitua Gawia* berjalan mengelilingi *bawar* yang terletak di bahagian tengah tanju. *Bawar* adalah sebuah pondok kecil yang dibina sebagai tempat kehadiran semangat padi dan semangat nenek moyang yang pernah melaksanakan upacara ini (*Dayung Boris*).

Seterusnya, apabila sampai ke bahagian *morot aron ruah aron*, bahagian ini akan dijalankan dengan irungan *gondang oguang* (paluan gong) yang lebih rancak daripada bahagian-bahagian yang lainnya. *Pinyigar* akan berjalan secara beriringan bersama dengan pemain gong, diikuti oleh *Dayung Boris* di bahagian belakang. Mereka akan berjalan mengelilingi *bawar* sebanyak empat pusingan sebelum menuju ke bilik pertama yang terdapat dalam rumah panjang. Kemudian, mereka akan kembali ke *bawar* dan mengulangi perlakuan yang sama dan masuk semula ke bilik kedua di dalam rumah panjang tersebut. Perlakuan ini dijalankan secara berulang sehingga kesemua bilik di dalam rumah panjang tersebut selesai melalui proses yang sama.

Pergerakan ini diterangkan melalui *effort graph*. Perkara asas yang terdapat dalam *effort graph* ini adalah *weight*, *space* dan *time*. Dalam ragam gerak *boris*, ia melibatkan berat (*weight*) badan dan kedudukan tubuh penari. Semasa *boris* dilakukan, kedudukan perletakan berat penari berada dalam keadaan kedua-dua tapak kaki menapak di lantai. Oleh itu, graf *weight* penari adalah kuat kerana posisi badan penari berada dalam keadaan yang kukuh disebabkan pembahagian berat badan berada dalam keadaan yang sama dan tidak berat sebelah. Dalam upacara ini, kedudukan ini menjadikan penari berada dalam keadaan yang lebih stabil dan selamat. Pada masa yang sama, situasi ini lebih bersifat tenang kerana setiap paluan gong yang menjadi irungan muzik adalah berbentuk doa kepada semangat yang terdapat di dalam *bawar*.

Seterusnya, ruang (*space*) adalah penggunaan kawasan sekeliling yang digunakan oleh penari, sama ada ruang yang terdapat pada pembahagian tubuh, sehingga kepada ruang pentas. Ruang kepada pembahagian tubuh merujuk kepada *level* setiap anggota tubuh yang digunakan. Dalam gerak *boris*, ruang yang digunakan bersifat *direct*. *Direct* merujuk kepada arah pergerakan penari. Pembahagian *weight* yang kuat menjadikan *space* penari lebih terarah dan berfokus. Gerakan tari yang dibuat adalah secara langsung dan tidak bersifat abstrak mahupun yang tersirat dan sukar difahami. Pergerakan penari dilihat *direct*, iaitu menjadi lebih jelas dan secara langsung tetapi masih berada dalam kawalan.

Time atau masa pula merupakan tempo atau hitungan gerak yang dilakukan. Masa boleh dikaitkan dengan momen yang diperlukan, sama ada bergerak secara diam, perlahan, sederhana, mahupun laju. Tempo penari adalah mengikut pukulan gong. *Time* yang terdapat dalam gerakan *boris* ini adalah bersifat *sustained*. *Sustained* merujuk kepada pergerakan tempo yang sederhana, tidak terlalu cepat dan tidak terlalu perlahan. Pergerakannya lebih terkawal, namun masih mempunyai energetik dalam penyampaianya. Tempo ini bersifat *sustained*

kerana bentuk upacara ini sendiri bersifat doa dan tanda terima kasih kepada semangat yang ada. Gerakan ini memancarkan situasi yang bersifat gembira dan rasa bersyukur.

Peranan *Dayung Boris* dalam Upacara *Boris*

Sesuatu peralatan, gerak, pertuturan mahupun simbol dalam ritual *boris* mempunyai fungsi tertentu. Fungsi tersebut tidak kiralah dari sudut penggunaannya mahupun dalam struktur upacara itu sendiri. Sesebuah upacara yang sudah mempunyai pola perseimbahan yang tetap menyimpan makna di sebalik setiap simbol yang dipersembahkan, juga mempunyai fungsi penting dalam upacara tersebut. Dalam artikel ini, pengkaji hanya akan menyentuh peranan *Dayung Boris* sahaja. Seperti yang telah dijelaskan di awal perbincangan, *Dayung Boris* merupakan individu terpilih dalam masyarakat Bidayuh sendiri. Mereka amat berperanan dalam upacara ini. Di samping itu, *Dayung Boris* ialah simbol kepada kewujudan upacara *boris* dan *simutur* kerana tanpa mereka, upacara ini tidak akan dijalankan sewenangnya. Berikut merupakan peranan *Dayung Boris* dalam upacara *boris*:

1. Memperingati dan penghormatan kepada sambutan *Gawia*.

Mengikut sejarahnya sambutan *Gawia* diraikan untuk menyampaikan rasa syukur dan berterima kasih kepada *Tampa* atau *Topa* (sebutan bergantung kepada setiap suku Bidayuh) dan *ieng podi* (semangat padi) yang membawa kebahagiaan kepada manusia serta memberikan hasil tuaian padi yang banyak pada tahun tersebut. Sambutan ini dirayakan untuk memperingati sepasang suami isteri, iaitu Saya dan Ngoma dalam masyarakat Bidayuh (Patrick Nuek, 2002). Menurut Patrick Nuek, Saya mengajar masyarakat Bidayuh tentang pelaksanaan upacara dan tatacara *boris*, manakala Ngoma mengajar bagaimana pelaksanaan upacara dan tatacara *Gawia* dijalankan seperti rangkap pantun di bawah:

*Sidumba ribuo rois,
Porang nobong pirasu tupia,
Saya muun toban adat boris,
Ngumba muun toban adat gawia.*

Dalam baris ketiga jelas dinyatakan bahawa Saya telah turun ke bumi untuk membawa adat *boris*. *Boris* yang dimaksudkan adalah upacara kesyukuran yang diadakan semasa *boris* dan *simutur*. ‘Saya’, merujuk kepada seorang wanita yang telah menjadi isteri Ngoma dan turun ke bumi untuk mengajarkan adat dan tatacara *boris* kepada masyarakat Bidayuh.

Dalam baris keempat pula, Ngoma dikatakan telah kembali ke bumi dan membawa adat *Gawia*. Ngoma yang telah naik ke kayangan berkahwin dengan Saya di kayangan dan kembali ke bumi untuk mengajar masyarakat Bidayuh tatacara sambutan untuk meraikan beras baharu. Adat *Gawia* ini merujuk kepada segala keperluan dan perkara yang harus dilakukan sebelum, semasa dan selepas *Gawia*. Oleh itu, dalam pelaksanaan upacara *boris* ini, terdapat beberapa hari perlu dilaksanakan untuk melengkapi keperluan sambutan *Gawia*. Walau bagaimanapun, seiring dengan kemajuan teknologi dan kepercayaan masyarakat Bidayuh sendiri, tatacara ini hanya dilakukan bertujuan untuk menghormati kepercayaan lama sahaja. Namun begitu, upacara ini tidak dibolehkan untuk tujuan persesembahan semata-mata. Sebagai contoh, ia hanya boleh dilakukan pada musim tertentu seperti selepas musim menuai sahaja dan tidak boleh dilakukan dengan sesuka hati, walaupun bagi tujuan pendokumentasian semata-mata.

2. Keistimewaan *Dayung Boris*

Keupayaan dan keistimewaan *Dayung Boris* memang tidak dapat disangkal dalam kalangan masyarakat Bidayuh. Menurut Peter Kini dalam temu bual yang dijalankan pada Jun 2017, posisi sebagai *Dayung Boris* ini adalah kekal seumur hidup. Bermakna, mana-mana perempuan yang telah dipilih untuk menjadi *Dayung Boris* harus melaksanakan kewajipannya sebagai *Dayung Boris*. *Dayung Boris* bukan sahaja bertanggungjawab semasa upacara *boris* dijalankan tetapi juga berperanan sebagai pemegang adat dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kebanyakan *Dayung Boris* ini turut diberi keupayaan untuk mengubati penyakit-penyakit tertentu terutamanya yang berkaitan dengan semangat atau kejadian paranormal seperti disampuk oleh makhluk halus. Walau bagaimanapun, mereka tidaklah dianggap sebagai bomoh atau dukun.

Dayung boris juga sering dijadikan rujukan atau sumber utama terutamanya dalam upacara yang berkaitan dengan hasil tanaman. Masyarakat Bidayuh sangat menyanjung mereka dan dilihat sebagai ikon dan menjadi contoh kepada wanita lain. Semasa upacara, *Dayung Boris* adalah sangat istimewa kerana mereka dikurniakan kelebihan untuk berhubung dengan semangat yang datang bersama dalam upacara *boris*. Doa atau mantera yang dilakukan adalah sebagai satu cara mereka berkomunikasi dengan semangat lain yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

Oleh itu, dalam setiap tatacara *boris*, *Dayung Boris* yang akan menyanyikan bait-bait *sidonan* terutamanya sewaktu *birayun*. Malahan, *boris* (lagu) perlu dipelajari oleh setiap *Dayung Boris* sebelum boleh diangkat menjadi *Dayung Boris*.

3. Tanggungjawab *Dayung Boris*

Dayung Boris merupakan golongan perempuan yang terpilih dan dihormati untuk menjalankan upacara *boris* (Esther Sirad, 2015). Pada usia tertentu, anak perempuan yang terpilih dalam masyarakat Bidayuh akan mendapat mimpi berjumpa dengan *Dewa Ieng* (Dewa Semangat). Oleh itu, mana-mana perempuan yang dipilih untuk memegang posisi sebagai *Dayung Boris* bertanggungjawab untuk melaksanakan pemeliharaan dan kesejahteraan ke atas tanaman dan hasil padi. Disebabkan *Dayung Boris* adalah istimewa, mereka bertanggungjawab untuk mempelajari setiap tatacara pelaksanaan upacara *boris*. Mereka juga bertanggungjawab untuk mempelajari dan mengingati *boris* sepanjang hidup mereka. Oleh hal yang demikian, hanya *Dayung Boris* yang menyanyikan bait-bait *sidonan* semasa *birayun de botang romin* (duduk di ayunan). *Dayung Boris* diyakini boleh berjumpa dengan *ieng*. Pertemuan ini terjadi apabila mereka naik ke *tunguoh simutur* (tangga kelapan) *bawar*. Semangat-semangat yang datang semasa upacara ini berlangsung dipercayai mendiami *bawar* tersebut.

Peranan Wanita Bidayuh dalam Masyarakat

1. Wanita sebagai pemangkin dalam keluarga

Wanita sangat dihormati dalam masyarakat Bidayuh. Malahan, wanita juga dianggap sebagai pemimpin dalam sesebuah keluarga, selain lelaki. Sebagai contoh, tugas menjadi ketua rumah akan menjadi tanggungjawab ibu sekiranya kaum lelaki keluar ke hutan untuk mencari hasil hutan. Umumnya, masyarakat sedar betapa pentingnya tugas sebagai seorang wanita dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Mereka bukan hanya memikul tugas dan tanggungjawab sebagai anak, isteri, ibu tetapi juga memastikan rutin harianya sebagai tulang belakang kepada suami berjalan lancar. Pada masa dahulu, kaum wanita turut menjalankan kegiatan pertanian, di samping si suami ke hutan atau turun bekerja. Tugas seorang wanita ini bukan hanya dilaksanakan di dalam rumah tetapi juga turut terlibat dalam usaha mencari rezeki untuk seisi keluarga. Dalam masyarakat Bidayuh sendiri, kerja-kerja pertanian, bermula dari kerja menanam, merumput dan menuai lebih banyak dilakukan oleh kaum wanita dan dibantu oleh si suami. Pekerjaan ini sinonim jika dirujuk kembali kepada legenda Saya dan Ngoma, iaitu pasangan yang telah mengajar tatacara upacara *boris* dan *Gawia* dalam masyarakat Bidayuh.

2. Wanita sebagai *role model* kepada anak-anak

Dalam dunia yang semakin moden, kebanyakan wanita juga mendapat pendidikan dan pekerjaan seperti kaum lelaki. Wanita moden pada hari ini bukan hanya menggalas tugas sebagai ibu dan isteri di rumah, malah mereka juga menggalas tugas sebagai pekerja di tempat kerja. Kaum Bidayuh juga tidak ketinggalan dalam mengikuti arus kemodenan ini. Oleh itu, wanita Bidayuh pada masa ini menjadi contoh dan teladan kepada anak-anak dan generasi muda. Semangat dan keberanian dalam menempuh permodenan abad ini seharusnya menjadi ikutan anak-anak supaya menjadi wanita berjaya pada masa akan datang. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Sim (2001), seramai 54 peratus wanita Bidayuh telah mula berhijrah untuk menceburi alam pekerjaan.

3. Wanita sebagai pemangkin dalam masyarakat

Seperti etnik lain, kaum wanita sering dikaitkan dengan semangat dan jati diri yang tinggi. Sebagai contoh, etnik Dusun yang terdapat di Sabah, turut mengangkat wanita yang terpilih sebagai *bobohizan* atau *tantagas* dalam kepercayaan primitif sehingga hari ini. Kaum ini menjadi ketua yang memegang kepercayaan masyarakat primitif dan sering dijadikan rujukan, terutamanya yang berkaitan dengan penyakit atau kejadian paranormal. Wanita dijadikan sebagai panduan dalam sesebuah organisasi. Hal ini demikian kerana wanita merupakan kaum yang teliti dan cekap dalam setiap tindak-tanduk dan perlakunya. Malah, wanita juga merupakan perancang yang sangat teliti dan patuh kepada aturannya sendiri. Maka, tidak hairanlah jika bilangan wanita yang mentadbir sesebuah organisasi semakin meningkat pada hari ini.

KESIMPULAN

Artikel ini diharap mampu memberi sedikit sebanyak pemahaman yang lebih mendalam mengenai ritual *boris*, khususnya dalam kalangan masyarakat Bidayuh. Selain itu, kewujudan golongan wanita yang dikenali sebagai *Dayung Boris* seharusnya lebih dihargai, bukan sahaja oleh masyarakat Bidayuh itu sendiri tetapi juga masyarakat luar. Wanita merupakan ikon dan tulang belakang yang sangat kuat dalam sesebuah institusi, terutamanya institusi keluarga. Kewujudan mereka lebih diketahui apabila mereka diangkat menjadi seseorang yang memainkan peranan penting dalam sesebuah upacara seperti *boris*.

RUJUKAN

- Asmad. (1990). *Seni lagu dan permainan tradisi*. Melaka: Association Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
- Daves, Eden. (2006). *Beyond dance: Laban's legacy of movement analysis*. New York: Routledge.
- Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak. (2014). Dilayari dari <https://www.dosm.gov.my>.
- Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak. (2010). Dilayari dari <https://www.dosm.gov.my>.
- Lee Yong Leng. (1981). *Penduduk dan petempatan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nuek, Patrick. (2002). *A Dayak Bidayuh community: Rituals, ceremonies & festivals*. Kuching: Dayak Bidayuh National Associations.
- Sim. H. C. (2001). Singles, sex and salaries: The experiences of single Bidayuh Women migrants in Kuching. *Asian Studies Review*, 25 (3), 361–376.

Temu Bual

Esther Sirad, Jun 2015.

Peter Kini anak Nyia, Jun 2017.

